

Headline	DBKL, FRIM perkukuh jalinan kerjasama		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	235 cm ²
Journalist	NIK HAFIZUL BAHARUDDIN	AdValue	RM 4,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,934



DBKL, FRIM perkukuh jalinan kerjasama

Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**
kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 7 Mac - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambut baik tawaran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kepada pihaknya berhubung pengurusan pokok di ibu kota.

Timbalan Pengarah Hultikultur DBKL, Norazam Mohamed Nor berkata, sememangnya DBKL dan FRIM sudah menjalinkan kerjasama mengenai perkara itu sejak tiga tahun lalu melalui memorandum persefahaman (MoU) yang ditandangi bersama.

“MoU itu antara lain memperincikan mengenai pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bandar, memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan hutan sekunder dan pokok di bandar selain menjalankan kajian dan penilaian terhadap keperluan pelaksanaan persijilan.”

“Semua itu dilaksanakan untuk memastikan peranan pihak berwajib dalam aspek penguru-



MoU itu antara lain memperincikan mengenai pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan bandar, memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan hutan sekunder dan pokok di bandar selain menjalankan kajian dan penilaian terhadap keperluan pelaksanaan persijilan.”

NORAZAM MOHAMED NOR
Timbalan Pengarah
Hultikultur DBKL

san pokok di ibu negara dijalankan dengan baik menepati ciri-ciri penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*

di sini hari ini.

Norazam berkata, untuk membendung kejadian pokok tumbang, DBKL akan meminta FRIM membuat pemetaan bagi kawasan yang kerap mengalami kejadian itu.

“FRIM telah membuat kajian berhubung status pokok-pokok berusia. Terbaharu, usaha itu dilaksanakan di kawasan belakang Dataran Merdeka.

“Diharapkan FRIM dapat menjalankan kajian terperinci terhadap pokok-pokok berkenaan untuk menentukan sama ada ia masih boleh dikekalkan atau sebaliknya,” katanya.

Katanya, terdapat lima hingga tujuh kawasan di sekitar ibu negara yang mempunyai pokok-pokok berumur dan berisiko kepada pengguna antaranya sekitar Jalan Ampang, Jalan U-Thant dan Jalan Cheras.

Tambah beliau, DBKL akan melaksanakan satu dasar mengenai pokok-pokok berusia 30 tahun ke atas yang memerlukan kajian semula untuk memastikan sama ada ia boleh dikekalkan atau diganti dengan pokok baharu.